

Bajet Sebagai Alat Dasar

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pembentangan bajet tahunan akan datang lagi. Lumrahnya bajet tahunan untuk tahun berikut akan dibentangkan oleh kerajaan setiap akhir bulan Oktober. Bajet tahunan merupakan perancangan tahunan untuk setahun akan datang oleh kerajaan pusat. Secara amnya, ianya merupakan perancangan untuk mentadbir dan mengurus sebuah ekonomi dengan membelanjakan hasil kerajaan dengan optimum. Matlamat utama daripada perancangan ini adalah untuk memaksimumkan kesejahteraan rakyat jelata dengan menggunakan sumber ekonomi secara efektif.

Perlu diingat bahawa bajet merupakan perancangan jangka pendek. Ianya tidak mampu menyelesaikan kebanyakan masalah jangka panjang. Oleh itu ianya perlu juga diselaraskan dengan perancangan jangka panjang yang lebih merupakan perancangan strategik. Perancangan strategik jangka panjang merupakan garis panduan arah yang ingin dituju. Ianya lebih merupakan kompas yang menunjukkan arah. Maka dalam konteks ini, bajet tahunan bertindak sebagai penunjuk jalan di lapangan. Ia menunjukkan jalan dengan lebih terperinci, persimpangan yang perlu diambil dan seumpamanya tetapi tidak terpesong dari arah jangka panjang yang telah dikenal pasti.

Dari sudut ekonomi, bajet merupakan alat dasar. Ianya bukan sekadar bertindak sebagai perancangan untuk membahagikan hasil kerajaan dengan saksama. Ianya juga perlu dilihat dengan lebih jauh terhadap kesan ke atas ekonomi, termasuk kesan jangka pendek dan juga kesan jangka panjang. Oleh yang demikian, pembahagian hasil dengan saksama tidak semestinya sama rata. Pengagihan hasil secara saksama perlulah mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan ianya juga perlu selari dengan arah yang telah diputuskan melalui perancangan strategik jangka panjang. Di dalam perspektif ini, akan terdapat segolongan masyarakat yang seolah-olahnya terpinggir. Namun perancangan yang baik akan memastikan golongan yang seolah-olah terpinggir

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

tersebut sebenarnya mendapat manfaat jangka panjang yang lebih baik. Maka penggubalan bajet perlu mengambil kira elemen tersebut.

Secara ringkasnya, terdapat dua komponen utama dari segi perancangan kerajaan di dalam bajet. Pertama, perancangan kerajaan untuk memungut hasil. Kaedah utama untuk memungut hasil adalah melalui cukai. Terdapat pelbagai cukai termasuk, cukai pendapatan, cukai korporat, cukai import, cukai jualan dan sebagainya. Cukai ini perlu dirancang dengan teliti. Ianya bukan sekadar untuk memberi hasil kepada kerajaan. Ianya juga perlu bertindak sebagai alat strategik untuk kebaikan ekonomi.

Mungkin ramai bertanggapan cukai berfungsi sebagai alat untuk membahagikan kekayaan negara. Di dalam konteks ini, biasanya cukai dikaitkan dengan mengambil dari golongan kaya dan diagihkan kepada golongan miskin. Pemahaman ini tidak salah, tetapi cuma secara asasnya sahaja. Ianya perlu mempunyai hasrat tersirat yang berkaitan dengan perancangan ekonomi. Ringkasnya, cukai perlu efektif untuk merealisasikan hasrat perancangan ekonomi tersebut. Lebih-lebih lagi sebagai sebuah ekonomi maju yang ingin kita capai, cukai yang efektif adalah penting.

Tanpa perbincangan yang terperinci, secara ringkasnya, cukai yang baik mestilah mempunyai elemen yang boleh meningkatkan produktiviti atau sekurang-kurangnya tidak mengekang produktiviti. Sebagai contoh, cukai eksport adalah kurang baik kerana ianya tidak menggalakkan eksport. Seseengah negara masih mengamalkan cukai ini terutama di kalangan negara kurang membangun kerana ianya lebih senang dipungut oleh kerajaan. Maka untuk cukai pendapatan dan cukai korporat, ianya tidak boleh terlalu tinggi kerana ianya tidak menggalakkan orang bekerja dengan lebih kuat, yakni kurang produktif. Di dalam konteks ini, GST adalah lebih baik kerana ianya dikenakan ke atas perbelanjaan. Justeru ianya tidak mengekang produktiviti.

Komponen kedua di dalam perancangan bajet adalah perbelanjaan kerajaan, yang biasanya ditulis sebagai 'G' di dalam subjek makroekonomi. Pengagihan hasil kerajaan bukan sekadar untuk mengagih dari golongan kaya kepada golongan miskin. Yang lebih penting, perbelanjaan kerajaan berfungsi sebagai alat dasar, yang biasa dipanggil dasar fiskal. Secara umumnya, perbelanjaan kerajaan berfungsi untuk

menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk kedua-dua jangka pendek dan jangka panjang.

Perbelanjaan kerajaan terbahagi kepada dua komponen utama, perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus juga dikenali sebagai penggunaan awam di dalam laporan ekonomi. Fungsi ini samalah seperti penggunaan swasta di kalangan orang ramai (sering ditulis sebagai 'C' di dalam subjek makroekonomi). Yang tersurat, kerajaan berbelanja untuk memastikan agensi-agensi kerajaan berfungsi sebagai yang dihajati. Namun, ianya juga terdapat elemen tersirat sebagai alat dasar untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Apabila kerajaan berbelanja, secara langsung ianya akan mencipta peluang pekerjaan, yang seterusnya meningkatkan output negara. Maka ekonomi akan tumbuh. Cuma, perbelanjaan ini mestilah berhemah, di mana ianya perlu dilihat dari sudut kecekapan dan keberkesanannya. Perbelanjaan tidak berhemah akan menggalakkan inflasi.

Perbelanjaan pembangunan pula merupakan pelaburan awam yang tercatat di dalam laporan ekonomi. Ini merupakan pelaburan di dalam konteks ekonomi, yang juga disebut pengumpulan modal. Pengumpulan modal perlu untuk meningkatkan output potensi atau juga disebut untuk peningkatan kapasiti. Perbelanjaan pembangunan ini turut mempunyai kesan langsung meningkatkan pengeluaran semasa, justeru meningkatkan pertumbuhan ekonomi jangka pendek seperti juga yang dijana oleh perbelanjaan mengurus.

Namun demikian, perbelanjaan pembangunan juga memberi impak jangka panjang untuk pertumbuhan ekonomi. Ianya akan meningkatkan kebolehan ekonomi untuk membuat pengeluaran yang lebih tinggi sekiranya permintaan meningkat. Perbelanjaan pembangunan, umpamanya, pembinaan infrastruktur yang boleh menggalakkan pengeluaran. Di samping itu, alat cukai juga boleh digunakan untuk menggalakkan pelaburan swasta. Pelaburan kerajaan melalui perbelanjaan pembangunan dan pelaburan swasta menyumbang kepada pengumpulan modal keseluruhan di dalam ekonomi yang perlu untuk peningkatan keupayaan pengeluaran. Umpamanya, kerajaan akan memberi insentif cukai untuk menggalakkan pelaburan swasta.

Dengan penerangan ringkas ini, diharap pembaca lebih memahami bajet dari perspektif perancangan ekonomi. Oleh itu, juga perlu difahami bahawa ianya paling baik merupakan perancangan makro dan sudah tentu tidak berupaya menyelesaikan semua masalah sekali gus.